

Pahang benarkan solat Jumaat, solat fardu di masjid, surau

[Asrol Awang](#)

am@hmetro.com.my



FOTO HIASAN

Kuantan: Solat Jumaat dan solat fardu dibenarkan di semua masjid dan surau di Pahang ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) serta PKP Diperketatkan (PKPD).

Kebenaran itu berdasarkan pelaksanaan garis panduan dan prosedur operasi standard (SOP) baharu bagi aktiviti ibadat di masjid dan surau.

Pengarah Jabatan Agama Islam Pahang (JAIP), Datuk Dr Zulkifle Ali berkata, perkara itu mendapat perkenan Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa

Billah Shah dan Pemangku Raja Pahang, Tengku Hassan Ibrahim Alam Shah Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah.

Katanya, berdasarkan SOP baharu itu, seramai 100 jemaah dibenarkan menunaikan solat Jumaat di masjid negeri dan masjid daerah.

"Masjid kariah pula, hanya 50 orang, manakala surau kebenaran Jumaat pula 12 orang sahaja.

"Bagi solat fardu, hanya 12 orang dibenarkan di masjid negeri, masjid daerah, masjid kariah, surau kebenaran Jumaat dan surau.

"Bagaimanapun, pengurusan masjid dan surau boleh mengemukakan permohonan penambahan jumlah jemaah untuk solat Jumaat dan solat fardu.

"Bagi kawasan PKPD, solat Jumaat dibenarkan dengan 12 orang dan digalakkan menunaikan solat Zuhur sebagai langkah berhati-hati (ihtiyati) keluar dari khilaf," katanya dalam kenyataan, hari ini.

Bagi menyekat penularan wabak Covid-19 di masjid dan surau, Zulkifle berkata, bukan warganegara Malaysia, bukan ahli kariah, individu bergejala, imam dan khatib dari luar Pahang tidak dibenarkan.

"Selain itu, jemaah bawah umur 12 tahun dan warga emas berusia 75 tahun ke atas turut tidak dibenarkan," katanya.

Sehubungan itu, beliau berkata, pengurusan masjid dan surau diminta memastikan jemaah yang hadir mematuhi semua SOP ditetapkan.

"Antara yang perlu dipatuhi ialah pemakaian pelitup muka dengan sempurna sepanjang berada di masjid dan surau, penjarakan fizikal, mengimbas suhu badan, mendaftar melalui aplikasi MySejahtera dan membawa sejadah sendiri bersaiz besar," katanya.

Disiarkan pada: Julai 1, 2021 @ 9:46am